



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Variasi
**PERDANA
2022**

FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN (FKP)

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



OfficialUMK

VARIASI PERDANA

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
Universiti Malaysia Kelantan

Hakcipta Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan 2023

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat keizinan daripada Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan.

Perpustakaan Negara Malaysia

Judul Buku: Variasi Perdana Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan Tahun 2022

No. e-ISBN: 978-629-7555-25-6

Diterbitkan oleh:

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Universiti Malaysia Kelantan

Pengkalan Chepa

16100 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

**SITI NURZAHIRA CHE TAHRIM
NUR AIN AYUNNI SABRI
ENI NORENI MOHAMAD ZAIN**

Bengkel Perancangan Strategik dan Semakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2021-2025, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah diadakan di Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu pada 26 hingga 28 September 2022. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Dekan, dan dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Dekan, Ketua-Ketua Jabatan, Ketua Pentadbir dan pensyarah-pensyarah FKP lainnya. Pengarah Pusat Strategik dan Risiko (PSR) turut dijemput hadir sebagai fasilitator sepanjang bengkel berlangsung.

Antara objektif bengkel ini diadakan ialah membentangkan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh setiap teras (Teras Keunggulan Pelajar, Teras Kelestarian Kewangan, Teras Keunggulan Bakat, Teras Kecemerlangan Penyelidikan & Inovasi, Teras Kerelevanan Program Akademik & Pengantarabangsaan dan Teras Kebitaraan Keusahawanan) dan pencapaiannya untuk tahun 2020 dan 2021. Penyelarasan halatuju FKP juga dibuat berpandukan plan strategik UMK 2021-2025. Cabaran-cabaran berkaitan FKP untuk mencapai KPI yang ditetapkan juga telah dibincangkan.

Bengkel telah dikendalikan dengan jayanya. Semua yang hadir telah sama-sama mencurahkan idea, berkongsi pendapat dan memurnikan cadangan yang diutarakan di dalam bengkel yang diadakan selama 3 hari 2 malam itu. Pengukuran pencapaian seterusnya akan dinilai dalam tempoh setahun mulai Januari 2023 sehingga penghujung tahun. Bengkel ini diharap dapat membantu dalam merealisasikan hala tuju FKP pada tahun 2023 dan tahun-tahun seterusnya.

